



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	22/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 7
JABATAN	:	PERHILITAN		

Kosmo, 22 Jul
2021_7

Keadaan Syamilla Bihai beransur pulih

PETALING JAYA – Seekor harimau betina yang mengalami kecederaan di muka akibat terkena libasan parang ketika bergelut dengan seorang penduduk Orang Asli di Kampung Badak, Pos Bihai semakin beransur pulih.

Harimau betina yang diberi nama Syamilla Bihai telah menyerang Adin Andok, 48, kira-kira pukul 3 petang pada 15 Julai lalu di kebun miliknya dan mengakibatkan kecederaan pada mata, kepala, paha serta lengan selepas dicakar haiwan itu.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) berkata, selera makan harimau berkenaan juga bertambah baik kerana telah mula memakan daging.

"Buat masa ini, Syamilla Bihai masih ditempatkan di dalam kurungan malam (night stall) di Pusat Penyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRK), Sungkai, Perak.

"Syamilla juga dipantau rapi oleh doktor veterinar Jabatan Perhilitan serta kakitangan NWRK bagi memastikan ia akan




KERATAN Kosmo! 7 Julai 2021.

sembuh seperti sediakala," katanya dalam satu kenyataan di sini hari semalam.

Kosmo! pada 17 Julai lalu melaporkan, seekor harimau belang betina menyerang seorang penduduk Orang Asli di Kampung Badak, Pos Bihai di sini.

Susulan kejadian itu, Perhilitan telah memasang kamera pengawasan dan berjaya menangkap harimau belang tersebut yang digelar Syamilla Bihai pada Khamis lalu.

Harimau belang berkenaan mengalami kecederaan di kepala, tengah badan, leher dan ekor dipercayai luka akibat pergelutan dengan mangsa serangan lelaki Orang Asli, Adin kira-kira dua minggu lalu.



KEADAAN Syamilla Bihai yang semakin beransur pulih di bawah jagaan Perhilitan di Pusat Penyelamat Hidupan Liar Kebangsaan, Sungkai semalam.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my

